

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kesan penularan COVID-19 bagaimanakah usaha Kementerian dalam membantu usahawan mikro yang terjejas dalam memastikan perniagaan mereka kembali pulih dan apakah fasilitasi yang diperlukan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam mencapai objektif tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) serta agensi-agensi di bawah kementerian telah mengambil pelbagai langkah dalam membantu usahawan mikro yang terjejas akibat penularan COVID-19. Antara langkah-langkah yang diambil dan dilaksanakan oleh MEDAC menerusi agensi-agensi di bawah kementerian adalah:
 - a. penyediaan pembiayaan kepada usahawan;
 - b. penjadualan semula pinjaman;
 - c. penangguhan bayaran balik / moratorium pinjaman;
 - d. latihan serta bimbingan keusahawanan secara dalam talian; dan
 - e. pelaksanaan program berimpak tinggi.
2. MEDAC sebagai kementerian yang bertanggungjawab memastikan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif untuk menyokong agenda pembangunan keusahawanan negara, telah membangunkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi. Pelan pemulihan ini dibangunkan bertujuan menangani kesan yang dihadapi oleh para usahawan tempatan. Ianya telah dirangka untuk semua sektor perniagaan merangkumi perusahaan mikro, PKS, koperasi, SE, startup dan sektor informal bagi memastikan kelestarian serta pemulihian operasi perniagaan usahawan dalam tempoh masa yang optimum.
3. Pelan Pemulihan ini mengandungi **29 program jangka pendek dan sederhana di bawah enam (6) strategi** yang dijangka akan memanfaatkan lebih 20,000 penerima dan melibatkan **kos peruntukan yang dianggarkan sebanyak RM 362.79 juta bagi pelaksanaan tahun 2020 dan 2021**.

Sekian, terima kasih.